

BN masih belum tentukan calon2

KUALA LUMPUR, Ahad — Barisan Nasional masih belum menentukan calon-calonnya bagi pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Kemumin dan Selising pada 8 Septem-

b Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan beliau sedang menemui Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, semalam tetapi tidak membincangkan mengenai pilihanraya kecil itu. Sebaliknya, kedua-duanya membincangkan soal ekonomi.

Kelmarin, Tengku Razaleigh, selaku Pengerusi BN Kelantan, membincangkan kemungkinan calon-calon asal yang sepatutnya bertanding dalam pilihanraya umum tahun lalu akan dipilih semula.

Mereka ialah Wan Mohamad Wan Abu Bakar dari Umno (Selising) dan Encik Omar Ibrahim dari Berjasa (Kemuning).

Berjasa

Perdana Menteri memberitahu pemberita, beliau dan Tengku Razaleigh mengkaji kesan kelesetan ekonomi dan langkah baru kerajaan berhubung dengan sekatan terhadap turutan dalam oleh kakitangannya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengesahkan beliau bersedia menemui rombongan Majlis Peguam yang tidak puas hati dengan pindaan kepada Akta Profesion Undang-Undang 1976 tetapi perjemuan itu hanya dapat diadakan selepas Perhimpunan Agung Umno.

Esok, Perdana Menteri akan berlepas ke Korea Selatan untuk lawatan rasmi seminggu.

Ditanya mengapa rang undang-undang itu dibatalkan tanpa rundingan dengan Majlis Peguam, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan "Itu bukanlah satu 'keperluan' yang dimestikan."

Ditanya mengenai kemungkinan akta itu dikaji semula selepas pertembungan itu nanti, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Mereka mungkin menerimanya tanpa sebarang kajian selepas mendengar penjasan kerajaan."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5856

No. Penerimaan 172